



MEMPERKASAKAN MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS



Education for All (EFA) ialah sebuah gerakan global untuk menyediakan pendidikan asas berkualiti kepada semua kanak-kanak, remaja dan dewasa. Gerakan ini dilancarkan pada persidangan antarabangsa pada tahun 1990 oleh Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

MBPK muncul juara dalam Pertandingan Nasyid Kesenian Islam di Karnival Outreach Inklusif dan Kebolehpasaran MBPK Peringkat Negeri Johor 2024.

EFA menjelaskan bahawa pendidikan ialah hak mutlak setiap individu, tanpa mengira keadaan fizikal, mental atau latar belakang mereka. Perkara ini termasuklah murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) yang terdiri daripada golongan yang mempunyai pelbagai jenis keperluan khas seperti masalah pembelajaran, masalah fizikal dan cabaran emosi atau mental. Usaha untuk mewujudkan pendidikan yang inklusif bagi MBPK di Malaysia semakin dipergiat selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menekankan kepentingan pendidikan yang adil dan saksama untuk semua.



ENAM KATEGORI MBPK

Sumber: Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013

APAKAH ITU MBPK?

MBPK ialah istilah yang digunakan untuk merujuk kanak-kanak yang memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang diubah suai untuk membantu mereka belajar dengan lebih baik. Pada kebiasaannya, mereka menghadapi masalah pembelajaran, fizikal, mental atau emosi yang memerlukan bimbingan dan sokongan yang lebih spesifik daripada murid biasa.

MBPK ialah kumpulan murid yang mempunyai keperluan yang berbeza-beza berdasarkan jenis kecacatan atau cabaran yang mereka hadapi. Mereka pastinya memerlukan perhatian dan intervensi pendidikan khusus untuk melengkapkan pembelajaran dan tahap perkembangan mereka. Bagi memastikan MBPK mendapat pendidikan yang berkualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggariskan beberapa kategori utama MBPK yang memudahkan pemahaman dan pengurusan dalam sistem pendidikan khas.



01

Kurang upaya pendengaran:

Murid tidak dapat mendengar dengan jelas dengan kedua-dua belah telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran, atau murid tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran. Contohnya, pekak.

03

Kurang upaya pertuturan:

Murid tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan dalam komunikasi serta tidak boleh difahami orang yang berinteraksi dengannya. Contohnya, bisu.



05

Masalah pembelajaran:

Murid yang mempunyai masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usianya. Contohnya seperti autisme, sindrom Down dan disleksia.

02

Kurang upaya penglihatan:

Murid tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhadap pada kedua-dua belah mata. Contohnya, buta.



04

Kurang upaya fizikal:

Murid yang kehilangan separa atau sepenuhnya mana-mana bahagian anggota badan dan fungsinya termasuklah kehilangan tangan, kaki, jari dan lain-lain. Contohnya akibat palsy serebrum.



06

Pelbagai:

Murid yang mempunyai dua atau lebih jenis ketidakupayaan. Contohnya kombinasi masalah fizikal dan hiperaktif.



PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI

Di Malaysia, KPM memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk memastikan MBPK diberi perhatian yang sewajarnya. Antaranya termasuklah melalui Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang dilaksanakan di bawah PPPM 2013-2025. Dalam usaha ini, sekolah yang menawarkan aliran khas disediakan dengan tenaga pengajar yang terlatih untuk menguruskan MBPK. Matlamat utama program ini adalah untuk menyediakan kurikulum yang boleh diubah suai mengikut keperluan setiap murid dengan memberikan perhatian kepada perkembangan akademik, sosial dan emosi mereka.

PPKI bukanlah sesuatu yang baharu dalam sistem pendidikan Malaysia. PPKI memberikan peluang kepada MBPK untuk terlibat dalam persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif di samping merangsang potensi mereka dengan bimbingan dan alat bantu yang bersesuaian. Untuk pengetahuan adik, MBPK diberi pendedahan kepada kurikulum yang sama seperti murid biasa namun kaedah pengajaran dan penilaian diubah suai mengikut tahap kemampuan mereka. Perkara ini bertujuan untuk mengurangkan jurang pendidikan antara murid MBPK dengan murid biasa sekali gus memberikan peluang yang sama kepada mereka untuk berjaya.

POTENSI MBPK

Setiap murid mempunyai bakat dan kebolehan yang tersendiri. Kecerdasan dan kemampuan yang berbeza pastinya menjadikan suasana pendidikan di sekolah lebih bermakna termasuklah dengan kehadiran MBPK.

Sekiranya kena dengan cara menggilapnya, murid berkeperluan khas pasti mampu memecah stigma bahawa ketidakupayaan menghalang kejayaan. MBPK juga mampu meraih prestasi cemerlang dan memberikan sumbangan positif kepada masyarakat.

Sebagai contoh, Program E-Nilam merupakan satu inisiatif yang menggalakkan MBPK untuk terlibat dalam aktiviti membaca dan merekodkan bahan bacaan mereka. Program ini bukan sahaja membantu meningkatkan kemahiran literasi mereka tetapi juga membina keyakinan diri mereka untuk berkomunikasi dengan lebih baik.

Selain itu, aktiviti sukan dan olahraga yang menjadi acara tahunan pada peringkat daerah, negeri dan kebangsaan mampu

mencungkil atlet cemerlang dalam kalangan MBPK. Terdapat juga penganjuran Karnival Outreach dan Kebolehpasaran Pendidikan Khas yang memberikan peluang kepada MBPK untuk mempamerkan bakat mereka dalam kesenian, kebudayaan dan kemahiran teknologi maklumat. Program seumpama ini dapat menyediakan ruang besar untuk MBPK berinovasi dan menyokong kemampuan mereka untuk aktif dalam pelbagai bidang.

TUJUAN PPKI

- Menggalakkan pendidikan inklusif, iaitu dengan memberikan peluang kepada MBPK untuk belajar di sekolah biasa bersama-sama rakan sebaya.
- Meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang kepentingan pendidikan untuk semua individu.
- Menyediakan sokongan khas seperti bantuan pendidikan dan terapi untuk memenuhi keperluan MBPK.
- Menggalakkan perkembangan kemahiran sosial, emosi dan akademik MBPK.





KOSA KATA DP

- **Inklusif:** Merangkumi atau meliputi kesemua aspek, hal dan sebagainya.
- **Disleksia:** Keadaan kurang berupaya untuk membaca dan menulis kerana tidak dapat membezakan susunan huruf atau perkataan. Misalnya yang mana di kiri dan yang mana di kanan.
- **Holistik:** Bersifat saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepadu yang menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek tertentu sahaja.

LATIHAN KENDIRI

Uji kefahaman adik dengan menjawab soalan yang berikut.

1. Senaraikan enam kategori MBPK.

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____
- (d) _____
- (e) _____
- (f) _____

2. Situasi: Pada suatu hari, adik terlihat seorang murid yang kurang upaya pendengaran sedang diejek dan diketawakan oleh murid lain di kantin. Apakah tindakan adik?



MBPK membuat pembentangan semasa Anugerah E-Nilam Pendidikan Khas Negeri Johor.



Prestasi cemerlang MBPK di Kejohanan Olahraga Pendidikan Khas Pasir Gudang yang meraih 13 pingat emas, sembilan perak dan 10 gangsa.

Penutup

Dalam usaha membina masyarakat yang bersatu padu, pendidikan merupakan elemen yang paling penting dan menjadi faktor terbesar kemajuan negara. Pendidikan yang sempurna untuk MBPK tidak hanya melibatkan penyediaan akses kepada pendidikan tetapi juga penyesuaian kaedah pengajaran dan pembelajaran agar sesuai dengan keperluan setiap individu. Cabaran yang dihadapi untuk melaksanakannya tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak memberikan pendidikan yang berkualiti kepada MBPK.

Kita perlu menghargai dan menyokong potensi MBPK mendapatkan peluang yang sama dalam mencapai kejayaan akademik dan perkembangan peribadi. Empati, kesabaran dan komitmen daripada guru, ibu bapa serta adik sebagai rakan sebaya memainkan peranan penting untuk merealisasikan pendidikan yang holistik dan berkualiti.